

Artikel

**Kesediaan Guru Bahasa Melayu Menengah Rendah Menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr) Penulisan Karangan**

*(The readiness of Lower Secondary School Malay Language Teachers to Conduct Home-based Learning and Teaching Essay Writing)*

Subramaniam a/l Raman<sup>1\*</sup>, Muhammad Zuhair Zainal<sup>2</sup> & Fadzilah Amzah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Sekolah Menengah Kebangsaan Junjung, 09000 Kulim, Kedah, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Pulau Pinang, Malaysia

Pengarang Koresponden: [salakboy7@yahoo.com](mailto:salakboy7@yahoo.com)

**Abstrak:** Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) secara dalam talian telah menggantikan pembelajaran secara bersemuka ketika Covid-19. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesediaan guru dan penglibatan serta penerimaan mereka terhadap pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu secara dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Seramai 149 guru Bahasa Melayu Menengah Rendah di Kedah telah dipilih sebagai responden menggunakan kaedah persampelan rawak bertujuan. Kajian menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi item dan terbahagi kepada empat konstruk, iaitu kesediaan guru, penerimaan murid, penglibatan murid dan penilaian. Statistik deskriptif dan frekuensi digunakan untuk menganalisis data soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu menengah rendah bersedia dalam pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu secara dalam talian semasa tempoh PKP. Hasil dapatan juga mendapati guru-guru berhadapan dengan masalah penglibatan dan pemahaman murid-murid dalam proses pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu secara dalam talian. PdPr penulisan karangan akan membuahkan hasil yang memuaskan sekiranya murid-murid dapat memberikan kerjasama dan melibatkan diri secara aktif tanpa memberikan alasan. Murid-murid harus diberikan galakan dan dorongan oleh pebagai pihak sama ada dari segi moral ataupun material agar PdPr memberi manfaat kepada murid-murid.

**Kata kunci:** Covid-19, pembelajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPr), kesediaan guru, penerimaan murid, penglibatan murid, penilaian, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

**Abstract:** Online home-based Learning and Teaching (PdPr) has replaced face-to-face learning. Thus, this study was conducted to identify teachers' readiness and their involvement and acceptance towards learning to write Malay language essays online throughout the MCO period. A total of 149 Lower Secondary Malay Language teachers in Kedah were selected as respondents using a purposive random sampling method. The study uses a questionnaire instrument that contains items and is divided into four constructs, namely teacher readiness, student acceptance, student involvement and evaluation. Descriptive and frequency statistics were used to analyze the questionnaire data. The findings of the study show that lower secondary Malay Language teachers are prepared to teach Malay language essay writing online during the MCO period. The findings also found that teachers facing problems of students' involvement and understanding in the process of teaching Malay Language essay writing online. PdPr essay writing will yield results if the students can provide cooperation and active involvement without giving reasons. The students should be given encouragement and encouragement by various parties whether morally or materially so that PdPr provides benefits to the students.

**Keywords:** Covid-19, home-based Learning and Teaching (PdPr), teacher's readiness, student's acceptance, student's involvement, assessment, Movement Control Order (MCO)

## Pengenalan

Pengumuman penularan COVID-19 dan pelaksanaan PKP telah menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengeluarkan satu surat siaran (KPM Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran PdP semasa tempoh perintah Kawalan Pergerakan Akibat Penularan Jangkitan COVID-19). Surat siaran ini bertarikh 27 Mac 2020 adalah bertujuan untuk memastikan aktiviti pembelajaran murid tidak terbantut sepanjang tempoh PKP ini. Sejajar dengan tujuan ini, guru-guru telah diarahkan untuk melaksanakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah atau singkatannya PdPr. Guru-guru diberi pilihan untuk melaksanakan PdPr sama ada secara dalam talian ataupun luar talian. Sejajar dengan arahan KPM, guru Bahasa Melayu terutamanya guru menengah rendah perlu mengadakan kelas untuk sesi pembelajaran penulisan karangan.

Sememangnya pengajaran penulisan karangan memerlukan masa dan kaedah yang betul. Namun kebanyakan guru Bahasa Melayu berhadapan dengan pelbagai masalah ketika proses PdP dalam talian (Nurzzati Hazwani, 2021). Beliau juga menambah bahawa pelaksanaan kelas secara maya ini menyebabkan murid-murid kurang menumpukan ketika sesi PdP berlangsung. Deepika (2020) dan Lapada et al., (2020) berpendapat bahawa pelaksanaan PdPr secara dalam talian ini sesuatu yang agak sukar dilaksanakan kerana PdPr secara dalam talian memerlukan komunikasi dua hala antara guru dengan murid. Perkara ini sudah pasti akan menggagalkan objektif PdP yang telah dirancang.

Norma baharu yang wujud akibat pelaksanaan PKP telah menimbulkan kebimbangan dalam guru dan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana, kesungguhan guru dalam melaksanakan PdPr terjejas dengan sikap murid yang belum bersedia untuk menyertai PdPr (Shazarina et al., 2020). Mohd Fairuz (2021) pula berpendapat PdPr merupakan satu perubahan dari konsep pengajaran dan pembelajaran secara tradisional kepada bentuk alam maya termasuk kandungan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan PdPr ini merupakan konsep pembelajaran dan pengajaran yang baharu dan berbeza daripada sebelum ini, secara tidak langsung memberikan cabaran yang baharu kepada para guru di negara kita. Bagi melaksanakan PdPr ini, pihak KPM telah memperkenalkan Manual Pelaksanaan PdPr untuk memberikan gambaran yang jelas kepada para guru agar tidak timbul masalah. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan untuk:

- Mengenal pasti tahap kesediaan guru Bahasa Melayu menengah rendah dalam melaksanakan PdPr penulisan karangan secara dalam talian.
- Mengenal pasti penerimaan dan penglibatan murid terhadap PdPr penulisan karangan secara dalam talian.
- Mengetahui penilaian guru Bahasa Melayu menengah terhadap penerimaan dan penglibatan murid terhadap PdPr penulisan karangan secara dalam talian.

Pengajaran yang sempurna menggunakan kaedah secara dalam talian merupakan satu kaedah yang sangat berbeza dengan pengajaran secara konvensional di dalam bilik darjah (Abbott, 2005; Wong et al., 2006). Seorang guru yang kompeten akan mencari atau memmuridi cara membuat penyampaian dalam talian namun akan berakhir dengan "*trial and error*" dan membuatkan idea-idea pengajaran dalam risiko.

Bocchi et al. (2004) mengatakan bahawa dalam pengajaran sesuatu kelas dalam talian memerlukan seseorang murid mengetahui secara khusus apa yang diharapkan ketika sesuatu pengajaran disampaikan. Pengubahan pendekatan pengajaran yang tidak sesuai atau boleh diubah mengikut keadaan tidak mungkin akan berlaku dalam situasi pengajaran dalam talian. Keadaan ini pasti akan membosankan murid-murid yang duduk di rumah dan mengikuti kelas dalam talian.

Murid-murid di Malaysia belum lagi boleh membiasakan diri mereka dengan norma baharu yang wujud akibat COVID-19 ini dan murid lebih selesa dengan pembelajaran secara bersemuka sebagaimana yang berlaku sebelum ini. Hal ini dikatakan demikian kerana wujud kebosanan dalam diri murid setelah mengikuti pembelajaran secara dalam talian tanpa melakukan sebarang aktiviti luar bilik darjah. Keadaan ini menyebabkan fokus murid-murid terhadap pembelajaran secara dalam talian terjejas. (Mohd Fairuz et al., 2020).

Pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah dalam talian ini memberikan pelbagai masalah kepada guru Bahasa Melayu, antaranya keberkesanan pembelajaran yang kurang memuaskan (Suhaila, 2021). Abdul Aziz dan Aida Zuraina (2020) menjelaskan bahawa murid ataupun guru yang menetap di bandar ataupun luar bandar menerima kesan yang besar akibat pembelajaran bahasa secara dalam talian. Dalam proses pengajaran menulis, sikap pengajar dalam merangka strategi pengajaran serta prihatin terhadap perkembangan dan

kekurangan murid merupakan satu yang perlu diberi keutamaan. Penggunaan satu kaedah yang dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran kemahiran tersebut (Intan Shuhada, 2021).

Che Zanariah dan Fadzilah (2011) menerangkan bahwa sesuatu pengajaran kaedah menulis karangan perlulah dimulakan dengan kemahiran yang mudah kemudian beransur maju kepada yang sukar. Namun dalam pengajaran secara dalam talian, objektif pengajaran penulisan kemahiran menulis agak sukar dicapai disebabkan pelbagai faktor. Perkara ini disokong oleh Siti Balqis dan Muniroh (2020) yang mendapati ada sebilangan murid yang tidak memberi kerjasama sepanjang PdPr. Mereka ini juga didapati tidak bersedia untuk belajar secara dalam talian. Perkara sudah semestinya memberikan cabaran hebat kepada guru terutamanya guru Bahasa Melayu dalam mengajar penulisan karangan.

Penyampaian pengajaran kemahiran penulisan kepada murid-murid terutamanya untuk menengah rendah menjadi cabaran kepada para guru. Kesiediaan guru dalam meneroka kaedah-kaedah berkesan bagi menyampaikan pengajaran yang terbaik ketika PKP amat diperlukan bagi menjayakan objektif pengajaran dan pembelajaran. Ain Nur (2022) mengatakan bahawa pengendalian PdPr Bahasa Melayu adalah suatu tugas yang sukar dilakukan oleh guru Bahasa Melayu kerana murid-murid mempunyai tahap pengetahuan dan penguasaan yang berbeza antara satu sama lain. Justeru, kajian ini dibuat bagi mengenal pasti kesiediaan guru menengah rendah dalam melaksanakan PdPr penulisan karangan Bahasa Melayu dan penglibatan serta penerimaan murid terhadap PdPr penulisan karangan Bahasa Melayu.

## **Sorotan Literatur**

### **1. Pandemik Covid-19**

Pandemik Covid-19 telah meletakkan dunia dalam satu risiko yang sangat besar dan hal ini memberikan impak kepada semua penduduk dunia (Rohayati et al., 2020). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2020) telah menyarankan agar semua masyarakat dunia duduk di rumah masing-masing dan hanya keluar sekiranya benar-benar mustahak. Penularan dengan begitu pantas tanpa sebarang tindakan mengawal pada awalnya telah menimbulkan pelbagai masalah. Kadar kematian dan jangkitan yang semakin meningkat mencetuskan panik dalam negara kita khususnya. Keadaan ini merupakan satu situasi baharu yang belum pernah dilalui oleh masyarakat Malaysia dan dunia sebelum ini.

### **2. Peraturan Kawalan Pergerakan (PKP)**

Dalam usaha mengekang penularan Covid -19 yang telah mengganas, kerajaan mengambil keputusan untuk melaksanakan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) pada 18 Mac 2020. Seiring dengan pengumuman tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil keputusan untuk mengumumkan cuti kepada semua sekolah di Malaysia. Pengumuman tersebut merencatkan pengajaran dan pembelajaran murid-murid. Di sebalik kepanikan pandemik Covid-19, ramai mula bimbang terhadap pembelajaran murid-murid yang berada di rumah. KPM tidak dapat memberikan perancangan yang jelas untuk sesi pengajaran dan pembelajaran dengan segera ketika itu. Guru-guru, murid-murid dan para ibu bapa dirundung kebimbangan akibat daripada keadaan ini.

Untuk meredakan suasana, KPM menyarankan agar kelas dalam talian dilaksanakan di seluruh negara terutama untuk murid-murid yang akan menduduki peperiksaan awam seperti UPSR, PT3, SPM dan STPM. Walaupun pengajaran dan pembelajaran dalam talian bukan sesuatu yang baharu, namun perkara ini telah menimbulkan pelbagai persoalan kepada pelbagai pihak. Dalam berhadapan dengan PKP yang memberi kesan norma baharu kepada sistem pendidikan, para guru seharusnya melengkapkan diri mereka dengan keadaan semasa iaitu menguasai strategi pengajaran dan pembelajaran yang efisien. Yusoff dan Halim (2017) menjelaskan bahawa penguasaan teknik atau strategi inovatif, teknik pengajaran dan pedagogi menentukan kesungguhan dan kesiediaan seseorang guru.

Dalam proses pengajaran, Rahman (2018) mengatakan bahawa selain penumpuan kepada pembelajaran murid, fokus juga harus ditekankan kepada gaya pengajaran guru bagi menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Abdullah (2015) pula mengatakan bahawa pengajaran yang efisien akan berlaku sekiranya para guru sedar akan kemampuan dan penguasaan seseorang murid dalam mata pelajaran yang diajar, contohnya mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam proses pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu, proses pengajaran penulisan karangan menjadi satu cabaran kepada guru-guru.

Namun seseorang guru itu akan dapat mengajarkan penulisan karangan dengan berkesan melalui PdPr sekiranya mereka berjaya mengetahui kemampuan murid mereka.

### 3. Konsep Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr)

PdPr merupakan akronim kepada Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah. Mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), setiap murid di negara kita mendapat akses kepada pendidikan. Hal ini bertujuan untuk mencapai potensi diri bagi menghadapi kehidupan masa depan. Oleh hal yang demikian setiap murid di negara kita mempunyai hak untuk mendapat peluang mengikuti pendidikan walaupun murid tersebut tidak dapat hadir ke sekolah. Radzi (2020) menyatakan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) secara dalam talian merupakan perkara baharu dalam kalangan guru, murid dan ibu bapa di negara kita sejak Covid-19 melanda. Li Mingyong et al., (2020), menegaskan bahawa PdPr ialah kaedah pembelajaran di rumah dan bukannya di sekolah mahupun kampus. Ramakanta dan Sonali (2020), Irfan Fauzi dan Iman Hermawan (2020), menyatakan bahawa PdPr secara dalam talian menjadi satu langkah yang terbaik bagi meneruskan pembelajaran murid-murid ketika dalam pandemik berbanding kaedah konvensional. Pelbagai faktor dalaman dan luaran yang menjadi kekangan kepada pembelajaran dalam talian ketika wabak Covid-19 ini (Rashid et al., 2020). Keadaan semasa Covid-19 mengkehendaki murid-murid mengadaptasi kaedah pembelajaran dalam talian berbanding kaedah pengajaran konvensional yang menjadi kebiasaan. Kaedah pengajaran guru menggunakan teknologi menyumbang kepada pembelajaran yang lebih interaktif. Hazirah dan Masayu (2020) menyatakan dalam penyelidikan mereka bahawa kaedah pengajaran dalam talian telah dilaksanakan sepanjang pandemik COVID-19 bagi membolehkan murid mengikuti dan menjalankan aktiviti PdP di rumah. Hasil tinjauan menunjukkan tahap penggunaan aplikasi dalam talian yang memuaskan. Menggunakan aplikasi WhatsApp sebagai kaedah utama penyampaian PdP adalah sangat berkesan semasa peringkat pelaksanaan PKP. Pelbagai kajian dilaksanakan bagi meninjau kefahaman guru terutamanya dalam mata muridan Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PdPr secara dalam talian. Dalam hal ini, PdPr boleh dilaksanakan di tempat-tempat yang sesuai dan boleh dilakukan secara dalam talian, luar talian atau *off site* dengan perancangan yang berstruktur dan terancang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). KPM telah membuat garis panduan dalam melaksanakan PdPr melalui beberapa cara atau kaedah yang bersesuaian dengan keadaan setempat. Mengikut KPM, para guru boleh melakukan PdPr mereka dengan menggunakan salah satu atau gabungan kaedah-kaedah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1. Kaedah-kaedah PdPr

Pelantar Pembelajaran	DELIMa ( <i>Digital Educational Learning Initiative Malaysia</i> ), <i>Cikgootube</i> , <i>EduWebTV</i>
Aplikasi	<i>Google Meet</i> , <i>Microsoft Teams</i>
Konsep-E	ePermainan, video, klip audio, eBuku, rakaman atau tugasan dalam talian.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2020)

Dalam melaksanakan PdPr ini, murid-murid memerlukan peranti berskrin, contohnya komputer riba, komputer, telefon pintar atau tablet dalam tempoh tertentu dan tertakluk kepada tempoh layar yang telah ditetapkan secara standard.

### 4. Pengajaran Kemahiran Penulisan Karangan Secara dalam Talian

Memang tidak dapat dinafikan bukan semua unsur pengajaran boleh dijalankan dalam talian, terutamanya berkaitan pengajaran penulisan karangan. Pengajaran penulisan dalam talian menimbulkan pelbagai persoalan sama ada untuk guru mahu pun murid. Perkara ini seharusnya diberikan perhatian oleh pihak KPM agar konsep pengajaran penulisan karangaa dapat menepati objektif yang terkandung dalam DSKP KSSR dan juga KSSM.

Menurut Mahizer (2020), sebagai seorang guru, mereka sudah pasti berupaya melaksanakan pengajaran dalam talian kerana guru telah menerima kursus dan latihan menerusi medium digital sebelum ini. Rahman (2018) menerangkan bahawa murid-murid akan tertarik dengan pengajaran yang sesuai dan berkesan. Hal ini akan membuatkan murid-murid berminat dan kaedah ini akan merangsang proses pemikiran mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pembelajaran secara talian dalam talian merupakan satu medium pembelajaran secara maya yang dilaksanakan dengan menggunakan capaian Internet. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan komunikasi antara guru dan murid tanpa mereka bersemuka dalam sesi pembelajaran dan pengajaran (Windhiyana, 2020). Namun Selvi dan Waskita (2020) menjelaskan bahawa pembelajaran yang berlaku dalam masa pandemik Covid-19 ini tidak mencapai objektif pada tahap maksimum. Pengajaran secara dalam talian dikatakan akan berupaya mengaplikasikan SKPMg2 dalam sesi bersama murid bagi melaksanakan aktiviti PdP bagi mengelakkan berlakunya PdP berpusatkan kepada guru. Cara ini secara langsung akan mengelakkan pengajaran stereotaip yang boleh mengundang kegagalan matlamat Pendidikan Bahasa Melayu terhadap murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017a).

Kajian Siti Balqis dan Muniroh (2020), pula mengatakan ada jumlah tertentu murid-murid yang masih belum bersedia untuk meneruskan pembelajaran dalam talian. Hal ini dikatakan demikian kerana masalah capaian yang tidak begitu memuaskan di kawasan mereka. Murid-murid juga didapati belum bersedia dari segi fizikal dan mental untuk kaedah pembelajaran dalam talian ini. Pernyataan mereka disokong oleh dapatan kajian Nor Aidawati dan Mazidah (2021). Kajian mereka menunjukkan tahap kesediaan murid-murid untuk pembelajaran secara dalam talian berada pada tahap sederhana sahaja. Abdul Rasid (2011) pula menyentuh masalah literasi Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah luar bandar dalam kajiannya. Hasil kajian terhadap masalah kefahaman bacaan didapati bahawa masalah kefahaman bacaan disebabkan oleh faktor ketidakupayaan untuk memahami isi kandungan teks yang dibaca, diikuti dengan faktor ketidakupayaan untuk memahami maksud teks yang dibaca.

Antara masalah dalam penulisan murid-murid ialah kekurangan kepekaan huruf besar dan kekurangan pengecaman fungsi tanda baca dalam struktur ayat. Punca kemerosotan akademik murid sekolah rendah dipengaruhi oleh kurangnya pemerolehan literasi (Wan Nurzuliana, 2019). Oleh itu, adalah sangat penting untuk mengasah aspek linguistik pemahaman bacaan supaya murid dapat mengikuti kelas dalam talian. Sekiranya murid-murid belum memperoleh kemahiran membaca dan menulis, maka akan timbul pelbagai masalah, antaranya ketidakcekapan ini akan menjejaskan kesanggupan dan sikap murid-murid untuk menguasai Bahasa Melayu dan sekali gus menjejaskan penguasaan mata pelajaran yang lain.

## Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang dijalankan terhadap guru Bahasa Melayu menengah rendah di negeri Kedah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan borang soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk tujuan mengumpul data yang diperlukan. Bentuk ini menjadi pilihan kerana bentuk ini mudah ditadbir kepada jumlah yang besar, membantu responden menumpukan kepada subjek yang dikaji dan melicinkan proses penjadualan dan penganalisan data (M. Asri et al., 2016; Deobold, 1999). Soal selidik ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu pada nilai koefisien ( $r$ ) *alpha cronbach*  $r=0.821$ . McMillan dan Schumacher (2006) mengatakan bahawa, nilai koefisien antara 0.7 hingga 0.8 adalah tinggi dan hal ini bermaksud soal selidik ini telah menepati kemampuan instrumen dalam mengukur perkara yang ingin diukur kerana ketepatannya dalam pengukuran (Wiersma & Jurs, 2009).

Soal selidik mengandungi 5 bahagian. Bahagian A ialah demografi responden yang merangkumi maklumat iaitu umur, kelas, jantina, kaum dan pengalaman mengajar Bahasa Melayu. Bahagian B pula ialah konstruk Kesediaan guru dalam melaksanakan PdPr Penulisan Karangan Secara Dalam Talian yang mengandungi 8 item. Dalam bahagian C terdapat konstruk Penerimaan Murid Terhadap PdPr Penulisan Karangan Bahasa Melayu Secara Dalam Talian yang mengandungi 10 item. Seterusnya dalam bahagian D, ialah konstruk Penglibatan Murid dalam PdPr Penulisan Karangan Bahasa Melayu Secara Dalam Talian yang mengandungi 10 item dan bahagian E pula berkaitan konstruk Hasil PdPr Penulisan Karangan Bahasa Melayu Secara Dalam Talian yang mengandungi 10 item.

Borang soal selidik menggunakan poin 5 skala berdasarkan skala Likert iaitu; 1-Sangat Tidak Setuju (STS), 2-Tidak Setuju (TS), 3-Kurang Setuju (TS), 4-Setuju (S) dan 5-Sangat Setuju (ST). Borang soal selidik telah diedarkan secara dalam talian menggunakan borang *Google* kepada responden yang terpilih dan berminat untuk menjawab. Seramai 149 responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Data-data telah diperoleh telah diproses menggunakan perisian SPSS versi 26. Borang ini menggunakan skala Likert 5 poin, interpretasi skor min adalah seperti dalam jadual 2. Pallant (2016) menyatakan bahawa analisis kajian yang

hendak dibuat haruslah bersesuaian dengan objektif kajian. Beliau berkata demikian agar kajian yang dibuat mendapat maklumat yang tepat dan secara menyeluruh serta pastinya mesti bermakna.

Skor min yang diukur dalam kajian adalah berdasarkan tahap skor min Nunnally & Bernstein (1994). Interpretasi skor ini digunakan bagi menetapkan tahap persetujuan yang dibuat oleh responden kajian. Pengkali-pengkaji seperti Norfadhilah (2014), Ghazali dan Mohd Khairi (2013) juga telah menggunakan skala interpretasi min dalam kajian mereka.

Jadual 2. Skor min dan tahap

Skor Min	Tahap
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

Responden kajian terdiri daripada guru-guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolah menengah di negeri Kedah. Kelayakan asas yang dimiliki responden kajian ini ialah responden terdiri daripada guru yang mengajar Bahasa Melayu menengah rendah dan mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya minimum 5 tahun. Mereka juga berpengalaman mengajar bahasa Melayu sekurang-kurangnya 5 tahun dan terlibat dalam PdPr dalam pandemik. Faktor-faktor inilah menjadi ciri responden kajian ini dipilih dan pemilihan tersebut berasaskan kaedah persampelan bertujuan kerana mereka yang menjadi responden mempunyai pengalaman secara langsung menjalankan PdPr dalam tempoh penularan Covid-19 di negara kita. Dalam kajian ini sampel yang dipilih ialah sampel bertujuan. Seramai 149 orang guru Bahasa Melayu menengah rendah di Kedah telah menjadi sampel dalam kajian ini kerana kajian berkaitan penulisan karangan murid menengah rendah. Soalan soal selidik dihantar dan menerima maklum balas menggunakan aplikasi media sosial iaitu melalui 'Whatsapp' dan juga 'Telegram'.

### Dapatan Kajian

Maklumat yang diperoleh daripada responden dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26.0 Dalam menganalisis data yang diperoleh, kaedah deskriptif digunakan kerana dapat memudahkan pemahaman dengan menyusun dan menjelaskan kumpulan secara terperinci. Data yang dikumpul dan akan dijelaskan dengan peratusan dan frekuensi. Penganalisan ini bertujuan untuk mendapatkan min konstruk-konstruk yang terdapat dalam soal selidik yang disediakan. Min merupakan semua nombor dalam kumpulan data dibahagi dengan jumlah angka dalam kumpulan data.

#### 1. Kesediaan Guru dalam Melaksanakan PdPr Penulisan dalam Talian

Jadual 3 menunjukkan keseluruhan skor min untuk konstruk kesediaan guru dalam melaksanakan PdPr penulisan karangan Bahasa Melayu secara dalam talian. Skor minnya adalah sebanyak 3.755 dan sisih piawai dengan nilai 0.378. Respon yang kerap diberi oleh responden bagi setiap item bagi konstruk ini ialah "setuju" (S). Hasilnya majoriti responden bersetuju dengan item-item dan hal ini membuktikan bahawa guru-guru memang bersedia untuk menjalankan PdPr penulisan karangan Bahasa Melayu secara dalam talian.

Jadual 3. Kesiediaan guru

<b>Konstruk: Kesiediaan Guru Dalam Melaksanakan PdPr Penulisan Dalam Talian</b>						<b>Min</b>
	<b>SSTS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	
1 Saya memahami konsep PdPr	2 1.3%	%	8 5.4%	139 93.3%	0 0%	3.91
2 Saya boleh menggunakan pelbagai kaedah PdPr	0 0%	2 1.3%	38 25.5%	109 73.2%	0 0%	3.72
3 Saya akan bersedia sebelum memulakan PdPr dalam talian	2 1.3%	0 0%	13 8.7%	134 89.9%	0 0%	3.87
4 Saya akan mencari kaedah terbaik utk PdPr dalam talian	2 1.3%	2 1.3%	8 5.4%	137 91.9%	0 0%	3.88
5 Saya akan menggunakan pelbagai aplikasi untuk tujuan PdPr dalam talian	0 0%	2 1.3%	22 14.8%	125 83.9%	0 0%	3.83
6 Saya mampu mengajarkan kemahiran menulis karangan dalam talian	0 0%	4 2.7%	37 24.8%	108 72.5%	0 0%	3.70
7 Saya mudah membuat pemantauan terhadap hasil murid	4 2.7%	2 1.3%	56 37.6%	87 58.4%	0 0%	3.52
8 Saya yakin saya berjaya mencapai objektif pengajaran pada hari tersebut	0 0%	6 4.0%	49 32.9%	88 59.1%	6 4.0%	3.63
<b>MIN</b>				<b>3.755</b> <b>0.378</b>		

## 2. Penerimaan Murid terhadap PdPr Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Talian

Berdasarkan jadual 4 pula, skor min keseluruhan yang diperolehi berada dalam tingkat sederhana dengan nilai 3.42 dan sisih piawainya 0.607. Majoriti responden memberikan maklum kurang setuju untuk semua item kecuali untuk dua item, majoriti memberikan maklum balas setuju. Item-item tersebut ialah item nombor 1 dan 2. Walaupun dalam konstruk awal tadi didapati guru sememangnya bersedia untuk PdPr secara dalam talian, tetapi dalam konstruk penerimaan murid ini, ternyata murid kurang penerimaan dalam PdPr yang dilaksanakan oleh guru.

Jadual 4. Penerimaan murid

<b>Konstruk 2: Penerimaan Murid Terhadap PdPr Penulisan Karangan Bahasa Melayu Dalam Talian</b>						
	<b>SSTS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	
1 Murid mudah memahami tajuk	0 0%	6 4.0%	64 43.0%	71 47.7%	8 5.4%	3.54
2 Murid dapat menghasilkan perenggan karangan mengikut objektif	0 0%	6 4.0%	43 28.9%	83 55.7%	17 11.4%	3.74
3 Murid memahami format karangan	0 0%	10 6.7%	78 52.3%	55 36.9%	6 4.0%	3.38
4 Murid dapat menulis karangan yang lengkap	0 0%	10 6.7%	78 52.3%	53 35.6%	8 5.4%	3.40
5 Murid dapat menyusun idea karangan dengan baik	0 0%	10 6.7%	86 57.7%	47 31.5%	6 4.0%	3.33
6 Murid dapat mengikuti PdPr dalam talian dengan baik	4 2.7%	15 10.1%	82 55.0%	40 26.8%	8 5.4%	3.22
7 Murid memberikan respon aktif ketika PdPr	2 1.3%	12 8.1%	72 48.3%	55 36.9%	8 5.4%	3.37
8 Murid memberikan kerjasama yang baik sepanjang PdPr	0 0%	12 8.1%	78 52.3%	51 34.2%	8 5.4%	3.37
9 Murid mengikuti kelas pada masa yang ditetapkan	4 2.7%	14 9.4%	60 40.3%	61 40.9%	10 6.7%	3.40
10 Murid menggunakan pelbagai peranti untuk PdPr	0 0%	12 8.1%	67 45.0%	61 40.9%	9 6.0%	3.45
<b>MIN</b>			<b>3.4201</b> <b>0.60772</b>			

### 3. Penglibatan Murid dalam PdPr Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Talian

Dalam jadual 5 ini dapatan minnya dalam kedudukan sederhana dengan nilai 3.39 dengan nilai sisih piawai sebanyak 0.557. Dalam konstruk ini dapat dilihat bahawa para responden memberi maklum balas yang seimbang antara “kurang setuju” dan “setuju”. Responden memberikan maklum balas kurang setuju untuk item 1,7,8, 9 dan 10 manakala memberikan maklum balas “setuju” untuk item 2 hingga 6. Walaupun begitu, didapati lihat penglibatan murid kurang memberangsangkan dalam PdPr ini.

Jadual 5. Penglibatan murid

<b>Konstruk 3: Penglibatan Murid Dalam PdPr Penulisan Karangan Bahasa Melayu Dalam Talian</b>							
		<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>
1	Murid mengambil bahagian dalam perbincangan tajuk karangan	4 2.7%	19 12.8%	101 67.8%	19 12.8%	6 4.0%	3.03
2	Semua murid dapat menyiapkan perenggan karangan dalam tempoh yang diberikan	0 0%	6 4.0%	49 32.9%	90 60.4%	4 2.7%	3.62
3	Murid memahami komen yang diberikan oleh guru	0 0%	10 6.7%	60 40.3%	71 47.7%	8 5.4%	3.52
4	Murid membuat pembetulan sekiranya diminta	0 0%	6 4.0%	55 36.9%	80 53.7%	8 5.4%	3.60
5	Murid tertarik dengan kaedah penyampaian saya	0 0%	10 6.7%	60 40.3%	71 47.7%	8 5.4%	3.52
6	Semua murid memahami objektif PdPr pada hari tersebut.	4 2.7%	4 2.7%	51 34.2%	84 56.4%	6 4.0%	3.56
7	Murid akan berbincangan dengan rakan lain tentang isi atau tajuk karangan	2 1.3%	16 10.7%	70 47.0%	59 39.6%	2 1.3%	3.29
8	Murid selesa mengikuti PdPr penulisan dalam talian	0 0%	12 8.1%	90 60.4%	41 27.5%	6 4.0%	3.28
9	Murid akan menghantar tugas pada masa yang ditetapkan	2 1.3%	17 11.4%	93 62.4%	31 20.8%	6 4.0%	3.15
10	Hasil murid menepati objektif yang ditetapkan	0 0%	13 8.7%	69 46.3%	63 42.3%	4 2.7%	3.29
<b>MIN</b>		<b>3.3948</b>	<b>0.55772</b>				

### 4. Hasil PdPr Penulisan Karangan Bahasa Melayu Secara dalam Talian

Melalui jadual 6, dapat dilihat min kesekuruhan yang diperolehi oleh konstruk hasil PdPr penulisan karangan Bahasa Melayu secara dalam talian. Min keseluruhan yang diperolehi ialah 3.16 dengan sisih piawai 0.635. Min berada dalam tahap sederhana tetapi hampir kepada tahap rendah. Majoriti responden memberikan maklum balas “kurang setuju” bagi semua item yang dalam konstruk ini

Jadual 6. Penilaian

<b>Konstruk Penilaian: Hasil PdPr Penulisan Karangan Bahasa Melayu Secara Dalam Talian</b>							
		<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>
1	Pengajaran penulisan mudah dilaksanakan dalam talian	3 2.0%	27 18.1%	78 52.3%	33 22.1%	8 5.4%	3.11
2	Hasil karangan murid baik dan menarik	0 0%	32 21.5%	73 49.0%	36 24.2%	8 5.4%	3.13
3	Gred/markah mudah diberikan	0 0%	12 8.1%	74 49.7%	59 39.6%	4 2.7%	3.27
4	Mudah mengenal pasti kesalahan	0 0%	17 11.4%	73 49.0%	53 35.6%	6 4.0%	3.32
5	Mudah untuk memeriksa karangan	2 1.3%	14 9.4%	101 67.8%	26 17.4%	6 4.0%	3.13
6	Saya selesa mengajar karangan	0 0%	22 14.8%	80 53.7%	43 28.9%	4 2.7%	3.19
7	Senang untuk membantu murid yang lemah	4 2.7%	28 18.8%	83 55.7%	28 18.8%	6 4.0%	3.03



8	Senang untuk menerangkan kesalahan murid	2 1.3%	22 14.8%	80 53.7%	39 26.2%	6 4.0%	3.17
9	Senang mengumpul hasil karangan murid	4 2.7%	18 12.1%	84 56.4%	37 24.8%	6 4.0%	3.15
10	Pengajaran penulisan dalam talian berkesan	4 2.7%	24 16.1%	86 57.7%	31 20.8%	4 2.7%	3.5
<b>MIN</b>		<b>3.1658</b> <b>0.63542</b>					

## Perbincangan

### 1. Kesediaan Guru dalam Melaksanakan PdPr Penulisan Secara dalam Talian

Hasil dapatan menunjukkan bahawa para guru memang bersedia dan membuat persediaan dalam melaksanakan PdPr penulisan karangan dalam talian. Hal ini terbukti apabila analisis mendapati min yang diperolehi ialah 3.755 sederhana tinggi. Kesediaan guru dapat dilihat dengan jelas melalui item “Saya memahami konsep PdPr” dan “Saya akan bersedia sebelum memulakan PdPr secara dalam talian” yang masing-masing mendapat peratusan tinggi iaitu 93.3% dan 89.9%. Peratusan ini menunjukkan para guru memang bersedia dengan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan PdPr walau pun pelaksanaan PdPr merupakan satu yang baharu dalam sistem pendidikan negara kita lebih-lebih lagi dalam suasana Covid-19 yang mengganas.

Dapatan ini telah menjawab objektif kajian yang pertama kajian ini. Kesediaan guru amat penting dalam melaksanakan sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Dalam PKP, PdPr yang disarankan oleh KPM memberikan satu kesan yang baharu kepada guru dan murid lebih-lebih lagi dalam pengajaran penulisan karangan. Sebelum ini, proses pengajaran penulisan karangan berlaku secara besemuka, penerangan dan penjelasan serta diberikan oleh guru dalam bilik darjah. Sebaliknya dalam PdPr, pelaksanaan dilaksanakan secara dalam talian, membuatkan para guru terpaksa mencari pelbagai kaedah bagi membolehkan mereka menyampaikan pengajaran. Justeru hasil kajian ini mendapati 91.9% responden mengatakan bahawa mereka akan mencari kaedah yang terbaik dalam menyampaikan PdPr mereka. 83.9% responden bersetuju bahawa mereka akan menggunakan pelbagai aplikasi dalam usaha mereka untuk menyampaikan pengajaran mereka kepada murid-murid mereka. Tambahan pula, 72.5% responden menyatakan bahawa mereka mampu menjalankan PdPr penulisan karangan secara dalam talian.

### 2. Penerimaan Murid terhadap PdPr Penulisan Karangan Secara dalam Talian

Dalam mencapai hasrat KPM, murid-murid tidak seharusnya ketinggalan dalam PKP ini dan dalam masa yang sama para guru telah mengambil inisiatif yang sebaik mungkin bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran berjalan seperti yang telah dirancang. Sebagai guru, mereka memang sudah bersedia dalam semua keadaan dalam menyampaikan pengajaran dengan apa cara sekalipun. Namun, apa yang menjadi masalah dalam PdPr ini adalah kesediaan dan penerimaan murid-murid terhadap pengajaran yang disampaikan. Penggunaan teknologi maklumat untuk membolehkan murid-murid mengikuti PdPr seringkali menjadi tanda tanya. Seiring dengan objektif kedua kajian, penerimaan dan penglibatan murid dalam PdPr menjadi tumpuan kajian ini. Sebanyak 78% responden kurang bersetuju bahawa anak murid mereka dapat memahami format karangan dan menghasilkan karangan yang lengkap. Hal ini bermaksud murid-murid mengalami masalah dalam memahami format karangan karangan diajarkan secara dalam talian.

Pemahaman yang kurang akan membuatkan murid-murid tidak memahami pelajaran yang sepatutnya dipelajari oleh mereka pada hari tersebut. Malah 57.7% responden mengatakan bahawa murid tidak dapat menyusun idea karangan dengan baik. Hal mungkin disebabkan oleh kurangnya pemahaman murid-murid terhadap format karangan yang diajarkan oleh guru secara dalam talian. Sekiranya murid-murid tidak dapat menyusun idea karangan dengan baik, karangan yang dihasilkan pastinya tidak lengkap dan tidak teratur. Penyusunan idea sangat penting dalam penghasilan sesuatu karangan. Seterusnya pelaksanaan PdPr diharapkan akan memberi peluang untuk murid-murid belajar walaupun tidak hadir ke sekolah akibat PKP. Namun hasil dapatan mendapati hampir 67% responden berpendapat bahawa murid-murid tidak mengikuti PdPr secara dalam talian dengan baik. Hal ini mungkin berlaku mungkin kerana pelbagai faktor, antaranya masalah liputan dan peranti. Perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak berkenaan, kerana walaupun pihak

guru sememangnya sudah bersedia dalam melaksanakan PdPr secara dalam talian namun maklum balas daripada murid-murid adalah sebaliknya.

### 3. Penglibatan Murid dalam PdPr Penulisan Karangan Secara dalam Talian

Penglibatan murid-murid dalam PdPr secara dalam talian juga menunjukkan hasil yang kurang memberangsangkan. Hali ini dikatakan demikian kerana, hampir 80% responden berpendapat murid-murid kurang mengambil bahagian dalam perbincangan tajuk karangan. Hal ini mungkin berkaitan dengan isu yang dibincangkan sebelum ini iaitu murid-murid tidak memahami format karangan. Lazimnya murid-murid yang tidak memahami sesuatu format atau tajuk sudah pastinya tidak akan mengambil bahagian dalam perbincangan, lebih-lebih perbincangan secara maya.

Para guru juga menghadapi masalah dalam menyemak hasil kerja murid kerana hampir 63% responden mengatakan bahawa murid tidak menghantar tugas kerja rumah pada masa yang ditetapkan. Di samping itu 68.5% responden mengatakan bahawa murid tidak berminat menjalani PdPr secara dalam talian. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana ketidakselesaian ini akan mengakibatkan pembelajaran penulisan karangan akan terjejas dan murid-murid akan ketinggalan dalam proses pembelajaran ini sepanjang PKP.

### 4. Penilaian/Hasil PdPr Penulisan Karangan Bahasa Melayu Secara dalam Talian

Hasil penilaian PdPr secara dalam talian walaupun dalam tingkat sederhana tetapi hampir kepada rendah. Memandangkan PdPr penulisan karangan secara dalam talian ini sesuatu yang dianggap baharu dalam pembelajaran dan pengajaran, namun pembelajaran secara maya telah dalam penggunaan. Oleh sebab itu hasil kajian mendapati pengajaran penulisan karangan tidaklah mudah kerana 72.4% responden mengakui pelaksanaan penulisan secara dalam talian bukan mudah malah para responden juga mengakui bahawa mereka tidak selesa mengajar penulisan karangan secara dalam talian. Hal ini mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor dan boleh diungkapkan dalam kajian yang berasingan.

Peratusan responden mengalami masalah dalam mengenal pasti kesalahan dalam karangan murid-murid dan memeriksa karangan murid-murid secara dalam talian juga memberikan masalah kepada responden. Penulisan karangan semestinya ada bantuan guru dalam menunjuk ajar sekiranya murid mengalami masalah. Namun PdPr secara dalam talian ini menyukarkan guru membantu dan menerangkan kepada murid sekiranya terdapat kesalahan. Keadaan ini boleh menyebabkan pembelajaran karangan tidak akan sempurna dan pemahaman murid tentang penulisan karangan juga tidak lengkap. Berdasarkan respon para responden terhadap kajian, kita boleh simpulkan bahawa penglibatan murid dalam proses pengajaran penulisan karangan secara dalam talian tidak menampakkan hasil yang dikehendaki.

### 5. Masalah yang Dihadapi oleh Guru dan Murid dalam PdPr

Pelbagai kajian telah dilaksanakan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru dan murid-murid dalam melaksanakan PdPr secara dalam talian ini. Antara kajian yang dilaksanakan ialah kajian Tamilmullai dan Salini (2021). Mereka mengatakan bahawa skrin telefon bimbit yang dimiliki oleh murid merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh murid ketika PdPr secara dalam talian. *Google Meet* atau *Zoom* yang dilaksanakan oleh guru tidak dilihat dengan jelas dan ini menyebabkan murid-murid tidak sepenuh hati menyertai kelas secara PdPr dan sekaligus mengurangkan penglibatan mereka dalam proses PdP tersebut.

Manakala Norehan dan Mahaliza (2021) menegaskan kekurangan kemahiran teknologi dan maklumat (ICT) dalam kalangan murid untuk mengakses platform PdPr secara dalam talian seperti *DELima*, *Zoom* dan *Google Meet*. Guru pula yang telah bersedia menjalankan PdPr secara dalam talian terpaksa mengambil masa dan memberikan tumpuan untuk mengajar murid-murid tatacara penggunaan platform secara dalam talian. Sekiranya perkara ini tidak dilakukan, penerimaan dan penglibatan murid dalam PdPr pastinya akan merosot. Dalam pelaksanaan PdPr penulisan karangan secara dalam talian, hanya berlaku komunikasi sehalu sehingga tamat masa PdPr tanpa memberikan ruang untuk murid dan guru berinteraksi. Hal ini sudah semestinya akan membuatkan murid-murid berasa bosan dan kemungkinan besar tidak dapat menerima pengajaran pada hari tersebut.

Seterusnya Norzilawati et al. (2013) menjelaskan masalah utama dalam penyampaian pengajaran secara dalam talian ialah capaian internet. Dalam laporan hasil kajian '*Covid-19 and Unequal Learning*'

didapati 37 peratus kanak-kanak berhadapan dengan masalah seperti tidak mempunyai peranti seperti tablet dan computer riba yang boleh digunakan dalam proses PdPr secara dalam talian. Kajian itu juga menunjukkan lebih sembilan peratus murid sahaja mempunyai komputer riba sendiri dan juga capaian Internet yang kurang memuaskan. Perkara ini menjejaskan proses PdPr yang sepatutnya dilaksanakan tanpa sebarang masalah (Norehan & Mahaliza, 2021).

### **Kesimpulan**

Penularan Covid-19 dan pelaksanaan PKP telah membuka satu dimensi baharu dalam sistem pendidikan negara kita. Ketika semua pihak mencari penyelesaian bagi masalah yang dihadapi, KPM telah mengusulkan PdPr sebagai langkah bagi masalah yang dihadapi dalam sektor pendidikan. Pelaksanaan PdPr memberikan kelegaan kepada semua yang bimbang akan pembelajaran murid-murid akan terjejas. Semua mata pelajaran diajar secara dalam talian dan disampaikan dalam alam maya. Dalam proses penyampaian pengajaran, guru Bahasa Melayu terutamanya guru menengah rendah telah mengajarkan penulisan karangan secara dalam talian. Dalam kajian ini membuktikan kesungguhan dan persediaan guru dalam melaksanakan PdPr penulisan karangan secara dalam talian tidak boleh dipertikaikan namun penglibatan dan penerimaan murid kurang memberangsangkan. Pernyataan ini disokong dengan kajian yang dilaksanakan oleh Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020). Dalam kajian tersebut, mereka mendapati para guru memang mempunyai sikap yang positif dalam pelaksanaan PdPr secara dalam talian ini. Mereka juga bersedia untuk melaksanakan PdPr menggunakan modul bercetak dan bahan-bahan pembelajaran yang diperoleh dari Internet. Masalah ini perlu diselesaikan dengan segera walaupun dalam keadaan endemik, persekolahan bersemuka telah berlaku semula, namun kita tidak boleh alpa dalam mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang telah kita hadapi dalam fasa pandemik. PdPr penulisan karangan akan membuahkan hasil yang berkesan sekiranya murid-murid dapat memberikan kerjasama dan penglibatan yang aktif tanpa memberikan alasan. Pelbagai pihak harus memberikan galakan dan sokongan sama ada sokongan moral ataupun kewangan serta bahan agar PdPr memberikan manfaat kepada murid-murid.

**Penghargaan:** Sekalung penghargaan disampaikan kepada penyelia saya, Dr Muhammad Zuhair bin Zainal kerana memberikan dorongan dan kepada para responden yang sudi memberikan kerjasama yang baik bagi menjayakan kajian ni.

**Kenyataan Persetujuan Termaklum:** Kebenaran diperoleh daripada semua responden yang terlibat dalam kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Penulis/pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

### **Rujukan**

- Abbott, A. (2005). Linked ecologies: States and universities as environments for professions. *Sociological theory*, 23(3), 245-274.
- Abdullah, M. W. (2015). Faktor yang Mempengaruhi Pemahaman International Financial Reporting Standards (Ifrs) pada Mahasiswa Akuntansi Uin Alauddin Makassar. *Assets: Jurnal Ekonomi, Manajemen dan Akuntansi*, 5(2), 249-260.
- Abidin, P. S. M. Z. (2021). Kesiediaan Pelajar Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Norma Baru Di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (Jtmk). *Education*, 3(8), 114-124.
- Abidin, S. Z., Sulaiman, S. H., Lip, S. M., Shahisdan, N., Ariffin, N., Ishal, M. F., & Sabilan, S. (2020). Tekanan emosi pensyarah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran atas talian di era pandemik COVID-19. In *Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (ISPEN)* (pp. 289-296).
- Agus, A. N. A. (2022). Masalah dihadapi oleh guru bahasa melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (Problems faced by Malay language teachers in implementing differential approaches in teaching and learning at home). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 50-62.

- Ahmad, W. N. W. (2019). Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi bahasa melayu bagi program linus di sekolah rendah (Teacher Practice in Implementation Malay Language Literacy Skills for LINUS Program in Primary School). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(3), 1-11.
- Aina Athirah. (2021). *Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Terhadap Para Pendidik*. (2021, March 23). Jejak Tarbiah. <https://www.jejaktarbiah.com/cabaran-pengajaran-dan-pembelajaran-di-rumah-pdpr-terhadap-para-pendidik/>
- Alea, L. A., Fabrea, M. F., Roldan, R. D. A., & Farooqi, A. Z. (2020). Teachers' Covid-19 awareness, distance learning education experiences and perceptions towards institutional readiness and challenges. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(6), 127-144.
- Alea, L. A., Fabrea, M. F., Roldan, R. D. A., & Farooqi, A. Z. (2020). Teachers' Covid-19 awareness, distance learning education experiences and perceptions towards institutional readiness and challenges. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(6), 127-144. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.6.8>
- Aziz, A. R. A., Shafie, A. A. H., Lee, U. H. M. S., & Ashaari, R. N. S. R. (2020). Strategi pembangunan aspek kesejahteraan sendiri bagi mendepani tekanan akademik semasa wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16-30.
- Aziz, A. R. A., Sukor, N. M., & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156-174.
- Bocchi, J., Eastman, J. K., & Swift, C. O. (2004). Retaining the online learner: Profile of students in an online MBA program and implications for teaching them. *Journal of education for Business*, 79(4), 245-253.
- Creswell, J.W. (2013). *Research design qualitative and quantitative approaches* (2nd ed.) Sage Publication.
- Darussalam, G., & Hussin, M. K. (2013). Penilaian Tahap Amalan Pelaksanaan Kursus Pengajian Islam Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Pelajar. *Proceeding of the Global Summit on Education*, 11-12.
- Deobold, P. V. (1999). Memahami penyelidikan pendidikan. *Abdul Fatah Abdul Malik, Mohd. Majid Konting (eds). Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang*.
- Fauzi, I., & Khusuma, I. H. S. (2020). Teachers' elementary school in online learning of COVID-19 pandemic conditions. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan*, 5(1), 58-70.
- Feng, F. L. Y., Fen, K. G., Liang, K. P., & Shin, L. H. (2021). Kaedah pengajaran dalam talian guru bahasa melayu dan motivasi murid sekolah jenis kebangsaan cina sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 57-74.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metadologi penyelidikan dalam pendidikan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hairia'an, N. H., & Dzainudin, M. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan: Online teaching and learning for the period of movement control order. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Hamzah, I. N. S., & Mahamod, Z. (2021). Strategi pengajaran dalam talian yang digunakan oleh guru bahasa melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca murid sekolah rendah (Online teaching strategies used by Malay language teachers in improving reading primary school students). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 54-67.
- Hamzah, M. (2020, April 19). Sedia hadapi kelas maya sesuai normal baharu. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679003/sedia-hadapi-kelas-maya-sesuai-normal-baharu>
- Hassan, C. Z. C., & Rahman, F. A. (2021). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87. <https://bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/818379/kejayaan-PdPr-bergantung-kepada-ibubapa-murid>
- Ishak, A. A., & Talaat, A. Z. M. A. (2020). Pembelajaran atas talian: tinjauan terhadap kesediaan dan motivasi dalam kalangan pelajar Diploma logistik dan pengurusan rantai bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 68-82.
- Jafar, M. F., Amran, Z. A., Yaakob, M. F. M., Yusof, M. R., & Awang, H. (2020, October). Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19. In *Prosiding Seminar Darulaman* (pp. 404-410).

- Jamian, A. R. (2021). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Junaidi, R., Ali, T. I. M. T. M., & Mamat, M. (2020). Pandemik COVID-19 dalam persekitaran kanak-kanak menerusi engkaulah adiwiraku. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 31-45.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2020). *Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah*. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/manual-pdp-di-rumah/3727-manual-pdpdr/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pelan hala tuju pendidikan bahasa Melayu 2016-2025*. Putrajaya.
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Li, M., An, Z., & Ren, M. (2020). Student-centred webcast+ home-based learning model and investigation during the covid-19 epidemic. *Inteligencia Artificial*, 23(66), 51-65.
- Loviana, S., & Baskara, W. N. (2020). Dampak pandemi covid-19 pada kesiapan pembelajaran tadriss matematika IAIN Metro Lampung. *Epsilon*, 1(2), 61-70.
- Madmor, M. A., Kiong, T. T., Azman, M. N. A., Rus, R. C., Hanapi, Z., Yunos, J. M., ... & Mohamad, M. M. (2016). Modul Peta Minda Buzan dan pencapaian murid pendidikan asas vokasional di Malaysia: Satu kajian keberkesanan. *Journal of Society and Space*, 12(3), 139-144.
- Mahlan, S. B., & Hamat, M. (2020). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Shah Alam: SIG: e-Learning@ CS*, 14-22.
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (2006). *Research in education: evidence-based inquiry* (6th ed.). Allyn and Bacon.
- Nambiar, D. (2020). The Impact of Online Learning during Covid-19 Pandemic: Students Perspective. *International Journal for Research in Applied Science and Engineering Technology*, 8(11), 686-690.
- Nasir, N. M., & Mansor, M. B. (2021). Cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr): Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 416-421.
- Nasrudin, N., & Othman, M. D. N. (2014). *Penilaian pencapaian objektif Program Pembudayaan Keusahawanan (PPK) di politeknik Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noh, N. M., Mustafa, H. M. A., Hamzah, M., Ismail, M. A., & Abdullah, N. (2013). Penggunaan inovasi teknologi dalam pengajaran: cabaran guru dalam e-pembelajaran. In *Proceedings Of The 7th International Malaysian Educational Technology Convention (Imetc 2013)*.
- Nunnally J. C., Bernstein I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS*. Routledge.
- Parzi M.N. (Mei 19, 2021). Kejayaan pengajaran dan pembelajaran di rumah bergantung kepada ibu bapa dan murid. *Berita Harian*
- PMO (2020). *Perutusan khas yab perdana menteri mengenai covid-19*. <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2020/03/perutusan-khas-yab-pm-16032020-final.pdf>.
- Rahman, A.Z. (2018). *Kompetensi guru besar dan hubungannya dengan amalan penyeliaan klinikal dan efikasi guru bahasa Inggeris*. Universiti Putra Malaysia.
- Sahoo, S. (2020). E-readiness and perception of student teachers' towards online learning in the midst of COVID-19 pandemic. Available at SSRN 3666914.
- Salim, N., Chan, W. H., Mansor, S., Nazira Bazin, N. E., Amaran, S., Mohd Faudzi, A. A., ... & Shithil, S. M. (2020). COVID-19 epidemic in Malaysia: Impact of lockdown on infection dynamics. *medrxiv*, 2020-04.
- Salleh, N. F. M. (2020). Pandemik coronavirus (covid-19): Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian suatu keperluan di Malaysia. *Kolej Komuniti Bentong*.

- Saud, M. S., Rahman, A., Anuar, M., & Ting, K. S. (2007). Kajian mengenai penggunaan e-pembelajaran (e-learning) di kalangan pelajar jurusan pendidikan teknikal dan vokasional di institusi pengajian tinggi (IPTA) negeri Johor. *Paper presented at International Malaysian Educational Technology Convention*, Univesiti Teknologi Malaysia.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2003). *Research methods for business, a skill building approach*. John Willey & Sons.
- Thannimalai, T., & Baloh, S. (2021). Cabaran PDPR bahasa Tamil di sekolah luar bandar [Challenges of Tamil language PDPR in rural schools]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 183-190.
- Wang, C., Horby, P. W., Hayden, F. G., & Gao, G. F. (2020). A novel coronavirus outbreak of global health concern. *The lancet*, 395(10223), 470-473.
- Wiersma, W., & Jurs, S. G. (2009). *Research methods in education: An introduction*. Allyn and Bacon.
- Windhiyana, E. (2020). Dampak Covid-19 terhadap kegiatan pembelajaran online di sebuah perguruan tinggi kristen di Indonesia. *Perspektif Ilmu Pendidikan*, 34(1), 1-8.
- Wong, A. F., Quek, C. L., Divaharan, S., Liu, W. C., Peer, J., & Williams, M. D. (2006). Singapore students' and teachers' perceptions of computer-supported project work classroom learning environments. *Journal of research on technology in education*, 38(4), 449-479.